

# Program Pembangunan Pelajar Fasa 1: Kursus Pemantapan Jatidiri

Oleh: Azilawati Suanda

Program Pembangunan Pelajar iaitu Kursus Pemantapan Jatidiri ini adalah merupakan program khas untuk bakal Pembantu Pelajar Minggu Suaikenal (PPMS) Sesi 2010/2011. Program yang telah mendapat kerjasama daripada BTN Cawangan Perlis diadakan pada **26 hingga 28 Mac 2010** yang lalu di Kem Bina Negara Kaki Bukit, Perlis. Program telah dihadiri oleh seramai 168 orang pelajar UniMAP ini diadakan bertujuan untuk memberi latihan persediaan kepada bakal PPMS yang mana mereka diuji dari segi

mental dan fizikal. Diantara pengisian program adalah slot ceramah, sesi Latihan dalam Kumpulan yang diberi oleh 10 orang fasilitator yang terlatih, riadah dan sesi kembara.

Kursus ini telah dirasmikan oleh **Encik Razli Ahmad, Dekan Jabatan Hal Ehwal Pelajar & Alumni**. Beliau senantiasa memberi sokongan dan dorongan kepada pelajar-pelajar supaya menjadikan kursus-kursus PPMS sebagai satu platform untuk

menunjukkan kebolehan diri sebagai pemimpin. Kesemua pelajar yang mengikuti kursus ini seterusnya akan melalui 2 lagi fasa untuk melayakkan mereka dipilih menjadi Pembantu Pelajar Minggu Suaikenal 2010/2011. Selain itu, daripada program seperti ini, pelajar-pelajar dapat menonjolkan potensi diri sebagai seorang ketua atau pemimpin yang akan memberi peluang kepada mereka menjadi pemimpin pelajar di masa akan datang.